

Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran di Alam Melayu

31

KAJIAN AWALAN TERHADAP PERSEKITARAN MASYARAKAT ORANG ASLI JAKUN DI KAMPUNG PETA

Seow Ta Wee¹, Maryati Mohamed², Mohd Nur Syafaat Jamiran¹, Zainal Zulhilmi Zainal Abidin¹, Siti Aminah Mohd Sam¹ & Shalini Sanmargaraja¹

ABSTRAK

Program Penempatan Tersusun (PPT) merupakan rancangan penempatan Orang Asli yang lengkap dengan kemudahan asas dan kemudahan awam di samping program pembangunan tanah bagi tujuan meningkatkan sosioekonomi mereka yang sebahagian besarnya masih tinggal di kampung yang terletak di kawasan pedalaman. Kertas kerja ini merupakan kajian awalan berkaitan persekitaran Orang Asli Jakun di Kampung Peta yang merupakan salah sebuah kampung yang terbina daripada program penempatan tersebut. Pemerhatian dan temubual tidak berstruktur telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat berkenaan dengan kajian. Hasil mendapati Kampung Peta telah mengalami perubahan kepada persekitaran yang lebih moden walaupun masih terdapat sebilangan dari mereka masih mengamalkan cara hidup asal mereka menerusi pembinaan rumah berasaskan sumber hutan. Langkah kerajaan memberi bantuan melalui Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) dilihat masih belum memenuhi kehendak penduduk kampung. Prasarana seperti sekolah, balai polis, klinik, tadika, perpustakaan, balai raya dan surau sebahagiannya tidak diurus dengan baik. Keadaan ini memperihalkan bahawa hubungan Orang Asli dengan pemodenan masih belum dapat diterima sepenuhnya oleh kerana faktor kesebatian mereka dengan hutan yang sememangnya tidak dapat dipisahkan.

Kata kunci: Orang Asli, persekitaran, perumahan, fasiliti

PENGENALAN

Program Penempatan Tersusun (PPT) membabitkan Rancangan Pembangunan Bersepadu Orang Asli (RPBOA) yang berpandukan model pembangunan tanah ala Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) yang membabitkan penempatan Orang Asli yang berselerak, terutama di kawasan pedalaman. Melalui pendekatan ini, perancangan projek dibuat secara menyeluruh meliputi kemudahan awam, projek tanaman secara komersial dan penyediaan sistem perhubungan yang lebih sempurna. Rancangan pembangunan bersepadu ini adalah bertujuan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli supaya melepasi garis kemiskinan. Ia juga untuk menempatkan masyarakat Orang Asli pedalaman ke dalam satu skim pembangunan tanah tersusun dan terancang serta memoden dan meningkatkan mutu hidup mereka, menerusi perkhidmatan dan kemudahan sempurna. Sehingga kini, terdapat lima pelan yang tersenarai di bawah PPT iaitu Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), Penyusunan

Semula Kampung (PSK), Rancangan Kampung Baru (RKB), Projek Bencana Alam dan Ukur Keliling Tanah penempatan Orang Asli (kampung) atau Pengambilan Tanah.

Sebagai contoh, program RPS di mukim Bekok merupakan projek penswastaaan yang pertama yang melibatkan RPS di negara ini. Melalui program tersebut, setiap keluarga Orang Jakun dijanjikan kebun kelapa sawit, rumah kediaman dan lain-lain infrastruktur (Ali 2006). Sebagaimana di Kampung Orang Asli Peta Mersing, PPT penggazetan hutan sebagai Taman Negara Johor Endau-Rompin pada tahun juga banyak memberi kesan kepada pembangunan di Kampung Peta. Justeru, kertas kerja ini merupakan kajian awal yang dihasilkan bagi menjelaskan tentang keadaan persekitaran Kampung Peta impak daripada RPS yang telah dilaksanakan.

LOKASI KAJIAN

Kampung Peta merupakan salah sebuah kampung Orang Asli yang terletak di daerah Mersing, Johor (Rajah 1). Kampung yang didiami oleh masyarakat Orang Asli etnik Jakun tersebut terletak di pinggir sungai Endau dan berhampiran kawasan Taman Negara Johor Endau-Rompin.



Rajah 1. Kedudukan Kampung Peta

Penduduk Orang Asli Jakun di Kampung Peta dianggarkan seramai 222 orang iaitu 114 orang lelaki dan 108 orang wanita. Kampung Peta mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Pada Perang Dunia ke-2, pihak British dan masyarakat Orang Asli telah meredah kawasan hutan yang sekarang ini dikenali sebagai Hutan Endau-Rompin dan telah digazetkan sebagai Taman Negara pada tahun 1993. Sewaktu meredah, mereka menjumpai sekeping peta yang dikatakan menunjukkan lokasi terletaknya harta karun tinggalan Jepun. Bersempena peristiwa tersebut, kampung Orang Asli yang dibina pada waktu itu diberi nama Kampung Peta (JAKOA Mersing 2011). Namun begitu, menurut Awang Kudi, anak jati kampung tersebut yang merupakan penggiat seni tradisional etnik Jakun, nama 'Peta' diberikan bersempena peristiwa yang pernah berlaku di sekitar pinggir Sungai Endau berhampiran kawasan tersebut. Beliau menyatakan

suatu ketika dahulu kawasan tersebut merupakan kawasan barang hilang. Akhirnya masyarakat setempat membuat peta (penanda) di kawasan tersebut bagi memudahkan barang yang hilang dijumpai.

ISU DAN PERMASALAHAN

Pelaksanaan Program Penempatan Tersusun (PPT) pada awalnya memberi tumpuan kepada kawasan Banjaran Titiwangsa iaitu di kawasan pedalaman yang menjadi tempat tinggal Orang Asli dengan memberi perhatian kepada pertanian yang dirancang mengikut model rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Rancangan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA).

Menurut Suki Mee dan Yahaya Ibrahim (2009) kesan perubahan yang berlaku kepada Orang Asli akibat daripada penempatan semula dapat dibahagikan kepada dua iaitu kesan jangka pendek dan kesan jangka panjang. Kesan perubahan dalam jangka masa pendek dapat dilihat melalui beberapa aspek iaitu perubahan fizikal di kawasan penempatan yang melibatkan perubahan reka bentuk susun atur perumahan dan alam sekitar yang tidak bercirikan desa, penglibatan ramai masyarakat kepada bentuk ekonomi yang baru, peningkatan taraf hidup daripada masyarakat desa kepada satu kelompok masyarakat yang lebih maju. Manakala kesan perubahan dalam jangka masa panjang pula ialah perubahan nilai-nilai atau perilaku sosial masyarakat yang berubah kepada masyarakat desa atau komuniti bandar, semakin hilang nilai-nilai tradisi dan kepercayaan amalan nenek moyang mereka, tidak bebas untuk melakukan kegiatan seharian mereka yang berasaskan alam semulajadi seperti bermain di dalam hutan, berkebun dan memburu, hilang hak milik individu terhadap tanah dan terdedah kepada kos sara hidup yang tinggi (Zainal & Seo Ta Wee 2013).

Di Kampung Peta, PPT dilihat mampu memberi impak yang besar kepada penduduknya. Dengan pemberian rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), fasiliti dan kelengkapan, institusi pendidikan seperti sekolah dan tadika, serta kemudahan yang lain sebenarnya mampu mengubah persekitaran masyarakat Orang Asli Jakun di kampung tersebut. Namun begitu, isu berkenaan impak negatif lebih besar berbanding impak positif yang diterima oleh mereka (M. N. Syufaat & Seo Ta Wee 2013). Hal ini berikutan daripada beberapa masalah yang berlaku dalam persekitaran kampung tersebut.

Antara masalah yang berlaku adalah masalah pengurusan sisa pepejal. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, pembuangan sampah oleh penduduk didapati tidak teratur. Penyelidik mendapati mereka tidak mempunyai tempat pembuangan sampah khusus untuk setiap rumah. Mereka dilihat hanya membuang sampah di tepi rumah dan di kawasan belukar berhampiran. Menurut salah seorang penduduk, mereka akan mengumpul sampah dan membersihkan kawasan rumah ketika lapang terutamanya pada waktu petang.

Pengurusan sisa kumbahan juga didapati tidak sistematik. Walaupun mereka disediakan dengan kemudahan tandas di setiap rumah, namun mereka tidak menggunakannya sebaik mungkin. Terdapat beberapa tandas yang rosak dan tidak diuruskan dengan baik oleh penduduk. Hasil pemerhatian, terdapat tandas yang telah dijadikan tempat membuang sampah dan terdapat juga yang dibiarkan begitu sahaja yang akhirnya, penduduk membuat sendiri tandas yang tidak sistematik. Mereka hanya membuat saluran terus ke dalam satu lubang yang terbuka. Hal ini boleh mengakibatkan serangan penyakit dan gangguan bau yang kurang menyenangkan.

KAEDAH KAJIAN

Maklumat kajian perpustakaan telah dikumpul dari Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Mersing, Muzium dan Perpustakaan JAKOA di Gombak, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) di Nusajaya. Informasi yang diperolehi dari JAKOA Mersing lebih banyak membantu dalam


kajian awalan ini. Data tersebut adalah berkenaan dengan latar belakang Kampung Peta serta sosioekonomi mereka yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli etnik Jakun.

Seterusnya, kajian lapangan dilakukan di kawasan kajian iaitu Kampung Peta yang terletak di kawasan Taman Negara Johor Endau-Rompin. Pemerhatian dilakukan bagi mendapatkan gambaran fizikal tentang keadaan kampung tersebut dari segi perumahan, fasiliti, tempat tarikan pelancong, tempat kegiatan ekonomi dan persekitaran sosial. Bagi mengetahui lebih lanjut, temubual secara ringkas juga dilakukan bagi mendapatkan lebih data berkenaan keadaan mereka yang sebenar. Temubual dilakukan kepada informan yang dipilih berdasarkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran berasaskan budaya tradisional yang mereka milik. Semasa temubual berlangsung, penyelidik menunjukkan minat kepada setiap apa yang diperkatakan oleh informan dan sentiasa dalam keadaan sifat yang berkecuali disepanjang sesi temubual. Data yang diperolehi daripada catatan ringkas yang dibuat berdasarkan pemerhatian dan temubual tidak berstruktur tersebut akhirnya dikumpul dan disusun bagi memudahkan penyelidik untuk menganalisis data.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Persekitaran Kampung Peta didapati mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangunkan sebagai salah sebuah kawasan ekopelancongan yang kaya dengan nilai tradisi masyarakat Jakun. Kajian ini mengenalpasti beberapa aspek bagi menjelaskan keadaan persekitaran Kampung Peta secara keseluruhan. Aspek tersebut adalah aspek perumahan, fasiliti, tarikan pelancong, kegiatan ekonomi dan juga persekitaran sosial mereka.

Pembangunan yang dijalankan di Kampung Peta lebih kepada pembangunan bersifat 'in-situ'. Penduduk Orang Asli Jakun di situ ditempatkan semula secara teratur di satu tapak yang sesuai di dalam Kampung Peta tersebut (Rajah 2). Penempatan ini merangkumi penyediaan petempatan baru moden yang turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam dan utiliti asas untuk kemudahan penduduk Orang Asli. Kawasan petempatan baru yang berkonsepkan skim perumahan moden diwujudkan bagi menggantikan perkampungan asal Orang Asli tersebut. Namun begitu, terdapat juga beberapa rumah asal mereka dibina bersebelahan rumah baru ini.



Rajah 2. Peta Lakaran Penempatan Masyarakat Orang Asli Kampung Peta

Kampung Peta terdiri daripada 60 buah rumah yang terdapat sebilangan besar daripadanya merupakan rumah kos rendah di bawah skim Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

yang dilengkapi dengan kemudahan rumah seperti ruang tamu, bilik tidur, dapur dan tandas (Foto 1).



Foto 1. Rumah Yang Dibina Di Bawah Skim Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)

Kesukaran masyarakat Orang Asli untuk menerima perubahan secara mendadak telah menyebabkan ketidakserasian mereka dengan pembangunan yang dijalankan (M. N. Syufaat & Seo Ta Wee 2013). Hal ini merujuk kepada rumah yang mereka bina daripada sumber hutan. Walaupun mereka mempunyai rumah PPRT, namun ada antara mereka yang membina rumah lain sama ada bersebelahan rumah PPRT mereka, atau di kawasan yang lain. Keadaan ini berlaku akibat daripada penerimaan mereka terhadap budaya moden belum sepenuhnya selain ingin mengekalkan budaya mereka. Menurut salah seorang penduduk kampung tersebut, mereka membina rumah lain kerana mengikut kehendak mereka sendiri. Menurut mereka lagi rumah yang mereka bina sendiri lebih selesa dan menepati kehendak mereka.

Sekolah rendah dua tingkat, tadika, balai raya, balai polis, surau dan perpustakaan juga disediakan (Foto 2, Foto 3)). Penyediaan segala fasiliti ini adalah untuk memberi kemudahan kepada masyarakat Orang Asli di kampung tersebut terutamanya dari aspek ekonomi, pendidikan dan keselamatan. Namun begitu, kemudahan yang disediakan tidak diselenggara dan tidak diurus dengan baik. Rumput dan semak-samun kelihatan mula menjalar dan memenuhi bangunan-bangunan tersebut kecuali bangunan sekolah dan tadika yang masih digunakan sehingga kini.

Aktiviti ekonomi Orang Asli dapat dilihat telah banyak berubah dari keadaan asal yang lebih tradisional (M. N. Syufaat & Seo Ta Wee 2013). Mereka telah berubah dari kegiatan ekonomi iaitu dari hanya mencari sumber hutan kepada kegiatan yang lebih moden seperti pemandu bot, peniaga, penoreh getah, pemandu pelancong, pengusaha kraf tangan serta bekerja di Taman Negara Johor Endau-Rompin. Akibat daripada pelaksanaan PPT, mereka tidak lagi dapat menjalankan aktiviti ekonomi bersifat tradisional.

Walau bagaimanapun, mereka tidak ketinggalan daripada mengkomersialkan nilai estetika kebudayaan mereka dari sudut pembangunan ekonomi. Hal ini dapat dibuktikan apabila terdapatnya beberapa penduduk jati kampung tersebut menjadi seorang pengusaha kraftangan. Antara pengusaha kraf yang masih bergiat aktif di perkampungan tersebut ialah Kamelok B. Tekeso yang mengusahakan pakaian yang diperbuat daripada kulit kayu pokok terap (Foto 4). Lantaran itu, dia yang dikenali masyarakat setempat sebagai ahli membuat pakaian kayu sering menerima tempahan daripada pelanggan yang terdiri daripada orang pelancong asing. Malahan

dia turut mengajar cara membuat pakaian kulit kayu ini kepada jiran-jiran penduduk setempat. Kulit kayu terap menjadi bahan utama pembuatan. Sepasang pakaian dijual pada harga RM300 di mana baju berharga RM150 dan seluar juga pada harga RM150.



Foto 2. Balai Polis Kampung Peta



TABIKAJHEOAIKEMS
DANPENGALAKPEHBACA
KG.ORANG ASLI PETA.MERSWG.
JABATAN HAL EGINAI ORANG ASU HEGEB JOHOR
KENIENTERIAN KENIAJUAN IUAR MHMR.MH
1NILAYAH

Foto 3. Tabika JHEOA/Kemas Dan Penggalak Pembaca Kampung Peta



Foto 4. Baju Yang Diperbuat Daripada Kulit Kayu Terap

Permainan Kercang merupakan salah satu permainan tradisional yang bersifat menguji minda (Foto 5). Dengan permainan tersebut, Awang Kudi cuba mengkomersialkannya terutamanya dalam aktiviti pelancongan. Apa pun cara menyelesaikan masalah permainan Kercang itu sebenarnya mencerminkan kecerdikan, kreativiti Orang Asli untuk berhibur sambil menguji minda menggunakan segala sumber alam yang rapat dengan mereka. Ketika ini, boleh dikatakan hampir semua daripada penduduk kampung itu tahu memainkan Kercang tetapi boleh dikatakan hanya seorang saja yang gigih mengembangkan tradisi itu dengan menjadikannya sebagai kraftangan (Berita Harian 2010).




Foto 5. Kercang 3 Langkah

Awang Kudi seorang penduduk Kampung Peta berusaha keras mengekalkan kebudayaan kampung mereka dan usahanya tersebut disambut baik bahkan dibawa menjelajah ke seluruh negara setiap kali musim sambutan kebudayaan. Pertama kali membuat kraftangan itu pada

1985 iaitu sebelum Taman Negara Endau Rompin Kampung Peta dibuka, Awang cukup yakin permainan tradisional berasaskan rotan dan buluh itu mampu berkembang walaupun pada asalnya, ia sekadar suka-suka. Produk pertamanya ialah Kercang 3 Langkah berasaskan kepercayaan tradisional yang diilhamkan ketika mereka sesat di hutan. Kini, Awang sudah menghasilkan tujuh Kercang pelbagai jenis termasuk Kercang Kahwin serta terdapat juga yang menggunakan nama komersial Kercang Tipah Tertipu.

Selain permainan tersebut, terdapat juga warisan lain yang turut dikomersialkan. Jerat merupakan satu kaedah tradisional untuk menangkap haiwan sama ada untuk dijadikan makanan, ataupun sebagai mengawal tanaman dan perkampungan daripada dimusnahkan (Foto 6). Terdapat sembilan jenis jerat atau perangkap binatang warisan keturunan kampung tersebut iaitu Jerat Gau, Jerat Penjara, Jerat Leher, Jerat Kaki, Jerat Pelantik, Jerat Cenangong Jerat Pentu, Jerat Pelanduk dan Jerat Kumbang Berayun yang sehingga kini kekal dipulihara. Setiap perangkap dipasang mengikut musim atau keperluan, misalnya Jerat Gau dipasang khas untuk menangkap monyet terutama ketika buah-buahan sedang masak. Ia diletakkan di atas pokok yang sering menjadi laluan kumpulan monyet.



Foto 6. Awang Kudi Bersama Salah Sebuah Jeratnya

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Orang Asli Jakun di kampung tersebut memiliki khazanah budaya yang mampu menjadi penyumbang kepada ekopelancongan negara. Usaha mempromosi Taman Negara Johor Endau-Rompin termasuklah Kampung Peta masih banyak perlu diperbaiki (Foto 7). Hal ini termasuklah meningkatkan kemudahan prasarana, terutamanya kemudahan jalan raya, penginapan dan telekomunikasi. Sangat menyedihkan dalam keadaan Endau-Rompin mempunyai pelbagai sumber asli dan keunikan alam sekitar terbaik serta keunikan budaya yang dimiliki Orang Asli Jakun, hanya dapat menarik beberapa orang sahaja pelancong. Keadaan ini berkemungkinan besar disebabkan oleh kesukaran untuk mengharungi perjalanan dari jalan raya Kahang ke Kampung Peta yang memakan masa lebih dua jam perjalanan iaitu sepanjang 53 kilometer.

Selain itu, aktiviti pelancongan di Taman Negara Johor Endau-Rompin termasuklah Kampung Peta perlu disokong oleh pihak swasta. Kebiasannya, sektor swasta mempunyai kewangan yang kukuh serta memiliki kepelbagaian sumber dan inisiatif bagi memberi kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik. Hal ini begitu penting dalam memastikan kepuasan pelancong. Usaha yang perlu dilakukan pihak tersebut bagi meningkatkan lagi jumlah pengunjung dari dalam dan luar negara adalah termasuk mengadakan promosi, menyediakan

kemudahan hotel serta melaksanakan aktiviti dan program pelestarian. Pihak swasta juga perlu memberi tajaan khususnya sebagai inisiatif bagi mencapai kelestarian seperti penyediaan tapak pelupusan kompos untuk pengunjung dan penduduk tempatan, menyediakan papan petunjuk laluan, atau melabelkan nama spesis pada pokok.



Foto 7. Permukaan Jalan Yang Tidak Rata dan Berlopak

Pengurusan industri eko-pelancongan di Jepun dan Switzerland wajar dijadikan contoh. Di Jepun, hampir setiap daerah mempunyai keunikan tersendiri yang dipromosi dan dimajukan menerusi kerjasama yang melibatkan agensi awam dan swasta (Berita Harian 2008). Agensi awam menyediakan kemudahan prasarana dan dana khas untuk program pelestarian, sementara agensi swasta menyediakan promosi, pengangkutan, kemudahan hotel dan program lawatan. Di Switzerland pula pelbagai prasarana dibangunkan dengan mengambil kira impak yang berlaku terhadap alam sekitar. Sebagai contoh, kawasan peranginan di pergunungan Alps dihubungkan menerusi kemudahan kereta kabel. Hal ini perlu untuk membolehkan pelancong sampai ke puncak gunung untuk menikmati keindahan alam, atau memulakan peluncuran bermain ski.

Langkah penyelesaian perlu dilakukan oleh pihak yang berkaitan agar, kebudayaan Orang Asli yang unik ini dapat dihargai dan dilestarikan (S. Aminah & Seo Ta Wee 2013). Dalam konteks Kampung Peta, pihak bertanggungjawab juga perlu lebih proaktif melaksanakan pelbagai pelan untuk membolehkan keunikannya dikenali dan kesegarannya dinikmati. Harapan agar Kampung Peta termuat dalam peta pelancongan dunia sebagai pusat utama ekspedisi flora dan fauna hutan tropika di samping pelancongan budaya, setanding dengan reputasi Switzerland dengan sukan ski di pergunungan Alps, Hawaii dengan hamparan pantainya, atau pulau Shikoku dengan pancutan air panas Matsuyama.

KESIMPULAN

Konflik antara Orang Asli dan pembangunan akan berlaku apabila sumber ekonomi mereka terjejas dan menggugat kesejahteraan mereka. Untuk menjadikan sebuah kawasan penempatan baru yang lebih dinamik, efisien dan komprehensif maka perancangan pembangunan yang dijalankan harus menekankan kepada aspek alam sekitar dan perancangan pembangunan sosial masyarakat atau kelompok sasaran berkenaan. Bentuk perubahan yang melanda komuniti Orang Asli di Kampung Peta dari aspek fizikal dan persekitaran memberikan kesan positif dan negatif kepada mereka. Tegasnya, Program Penempatan Tersusun (TTP) masih gagal mengubah sepenuhnya cara hidup Orang Asli Jakun di kampung tersebut kerana RPS masih tidak dapat memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan budaya mereka. Kedudukan Kampung

Peta yang dekat dengan hutan masih membolehkan aktiviti kehidupan tradisi mereka, diteruskan.

RUJUKAN

- Ali @ Zainalabidin Syed Mohamed. 2006. Impak perwartaan Taman Negara Endau Rompin dan penswastaan Rancangan Pengumpulan Semula Terhadap Masyarakat Jakun Di Bekok, Johor. Projek Penyelidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Berita Harian*. 11 Julai 2008.
- Berita Harian*. 4 April 2010.
- JAKOA Mersing. 2011. Profil Kampung Orang Asli Peta.
- Mohd Nur Syufaat Jamiran & Seow Ta Wee . 2013. Kelestarian transformasi pembangunan sosioekonomi Orang Asli. Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke-4, 5-6 Mac 2013, Dewan Persidangan E-Learning UPSI, Tanjung Malim.
- Siti Aminah Mohd Sam & Seow Ta Wee. 2013. Kelestarian pembangunan sosiobudaya komuniti Orang Asli. Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke-4, 5-6 Mac 2013, Dewan Persidangan E-Learning UPSI, Tanjung Malim.
- Suki Mee & Yahaya Ibrahim. 2006. Pemandaran dan penempatan semula komuniti Orang Asli. Dlm. Yahaya Ibrahim (pnyt.). *Komuniti, Pembangunan & Transformasi*. Bangi : Penerbit UKM.
- Zainal Zulhilmi Zainal Abidin & Seow Ta Wee. 2013. *Isu konflik tanah adat bagi Orang Asli di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke-4, 5-6 Mac 2013, Dewan Persidangan E-Learning UPSI, Tanjung Malim.

¹Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP)

²Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor

MALAYSIA